

## **TITAH**

**KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH MU'IZZADDIN WADDAULAH IBNI AL-MARHUM SULTAN HAJI OMAR 'ALI SAIFUDDIEN SA'ADUL KHAIRI WADDIEN, SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM\**

**DI MAJLIS  
HARI ULANG TAHUN ANGGATAN BERSENJATA  
DIRAJA BRUNEI KE 49 TAHUN**

**PADA**

**17HB, JAMADILAKHIR, 1431  
31HB, MEI 2010**

Alhamdulillah, kita dapat pula berkumpul pada pagi ini untuk meraikan Hari ulang Tahun Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) yang ke-49. Beta tidak lupa mengucapkan tahniah serta terima kasih diatas sumbangan seluruh warga ABDB dalam usaha mereka mendokong perlembagaan dan falsafah Melayu Islam Beraja.

Tugas utama ABDB ialah memelihara keamanan, dan alhamdulillah, ia dilihat sedang menjadi kenyataan. Namun perlu diingat, musuh utama yang sentiasa mengintai-intai ialah 'Kelalaian'. Jika sedikit kita lalai, boleh mengakibatkan bencana atau musibah. Betapa tidak, bukankah disebalik keamanan itu masih terdapat ketidakpastian berupa kemungkinan wujudnya anasir dan ancaman yang kita tidak sangka-sangka?

Jadi nyata, semua itu memerlukan kesedaran dan kewaspadaan yang berterusan, disamping, kualiti juga ditingkatkan dengan menjalani latihan-latihan bersama diantara perkhidmatan-perkhidmatan ABDB disemua peringkat.

Ditambah lagi mesti menguasai semua kaedah tata pemerintahan, seperti Kaedah Balanced Scored Card, Performance Budgeting, dan yang akan datang, Capital Budgeting. Semua ini, perlu dilaksanakan secara tepat dan konsisten.

Selain itu, penglibatan didalam operasi-operasi luar Negara, khasnya yang dibawah misi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, juga perlu diteruskan, kerana manfa'atnya adalah cukup besar, bukan saja bagi anggota yang terlibat dan ABDB sendiri, malahan juga bagi Negara dibidang diplomasi pertahanan.

Sehubungan itu, Beta mengambil peluang untuk mengucapkan syabas kepada ABDB dan khasnya anggota yang pernah dan sedang bertugas didalam Pasukan Pemantau Antarabangsa (IMT) di Mindanao, Filipina dan didalam Pasukan Interim Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu di Lebanon (UNIFIL).

Sumbangan kita didalam pasukan-pasukan ini meletakkan Brunei Darussalam selaku penyumbang terhadap keselamatan antarabangsa. Peningkatan individu pula, Beta

mengambil maklum, Kursus Maktab Turus, selaku komponen Akademi Pertahanan ABDB yang akan bermula pada bulan November 2010 adalah selaras dengan dasar pembelajaran sepanjang hayat.

Cara dan pendekatan seperti ini memang kita sokong dan galakkan. Maka oleh itu, pujian patutlah diberikan kepada Kementerian Pertahanan dan ABDB di atas pencapaian tersebut. Dengan sasaran peningkatan secara menyeluruh dan seimbang ini, insya Allah, kita akan dapat melihat Kementerian Pertahanan dan ABDB mampu untuk menjalankan amanah yang dipikulkan kepada mereka.

Akhir kata, Beta mengucapkan Selamat Menyambut Hari Ulang Tahun ABDB Yang ke 49 kepada seluruh warga ABDB yang masih berkhidmat mahupun yang telah bersara serta keluarga masing-masing. Sama-samalah kita berdoa agar Negara dan kita semua mendapat perlindungan Allah yang Maha Pengasih Lagi Maha Perkasa.

Sekian, Wabillahit Taufeq Walhidayah, Wassalamu 'Alaikum Warahmatullah Wabarakatuh.